

MAHATHIR R'R'R'R'R'

1982

91

KUALA LUMPUR, 30 MAC (BERNAMA)-DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KEPUTUSANNYA MENGADAKAN PILIHANRAYA UMUM LEBIH AWAL DARI JADUAL IALAH BAGI MENUMPUKAN SEPENUH TENAGANYA KEPADA RANCANGAN PEMBANGUNAN NEGARA YANG BELIAU GARISKAN.

UNTUK ITU BELIAU PERLUKAN MANDAT BARU DARI RAKYAT, KATA PERDANA MENTERI DALAM TEMURAMAH TV DENGAN TIGA ORANG WARTAWAN DALAM RANCANGAN HALEHWAL SEMASA YANG DISIARKAN KE SELURUH NEGARA MALAM INI.

KATANYA MESKIPUN KETIKA MULA MENGAMBILALIH JAWATAN PERDANA MENTERI TAHUN LALU, BELIAU MEMINTA TEMPOH SETAHUN UNTUK MENYUSUN PENTADBIRANNYA TETAPI BELIAU MERASAKAN ADALAH TERLALU LAMA UNTUK MENUNGGU HINGGA TAHUN DEPAN BAGI MELAKSANAKAN PROGRAMNYA.

BELIAU BERKATA, MEMANDANGKAN BULAN PUASA DAN PERAYAAN-PERAYAAN LAIN, MAKA TIDAK ADA MASA YANG SESUAI UNTUK DIADAKAN PILIHANRAYA ITU SELAIN DARIPADA BULAN APRIL.--BERSAMBUNG 2106/HM

B656

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA KEMAJUAN PESAT HANYA DAPAT DICAPAI DENGAN ADANYA PERUBAHAN SIKAP TERUTAMA DALAM TEKAD DAN SEMANGAT BEKERJA.

KERANA ITU BELIAU BERUSAHA MENGUBAH PANDANGAN NEGARA YANG SELAMA INI TERLALU MIRIP KE BARAT SUPAYA DAPAT BERALIH KE TIMUR.

PADA MASA INI KEADAAN SEMEMANGNYA TIDAK SEIMBANG. DARI JUMLAH PELAJAR MALAYSIA SERAMAI 49,000 DI EROPAH BERBANDING DENGAN SERAMAI 200 DI JEPUN, 150 DI PHILIPINA DAN TIDAK SEORANG PUN DI KOREA SUDAH JELAS MEMBUKTIKAN HAKIKAT INI.

PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA DI BARAT BUKAN SAHAJA MENYERAP ILMU PENGETAHUAN TETAPI JUGA TERDEDIAH DENGAN NILAI-NILAI HIDUP MASYARAKAT DI SANA YANG LEBIH MENGUTAMAKAN KESERONOKAN ATAU HEDONISME.

--BERSAMBUNG 2109/HM

B657

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

PERDANA MENTERI BERKATA JIKA PADA MASA DULU NEGARA-NEGARA BARAT MENCAPAI KEMAJUAN YANG AMAT KETARA HINGGA DAPAT MENAKLUKI SELURUH DUNIA, KEADAAN SEKARANG BERUBAH.

SEBALIKNYA BEBERAPA NEGARA TIMUR PULA TELAH MAJU DAN DAPAT MENANDINGI NEGARA-NEGARA BARAT. TETAPI NILAI-NILAI HIDUP MEREKA TERUTAMA KERAJINAN BEKERJA, TAATSETIA DAN TIDAK SELALU MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI TERUS DIKEKALKAN.

DENGAN MENOLEH KE TIMUR DAPATLAH NEGARA INI BELAJAR NILAI-NILAI DAN ILMU PENGETAHUAN MEREKA, KATANYA.

BELIAU SELANJUTNYA MENYATAKAN BAHAWA JIKA MALAYSIA DAPAT MENYERAPKAN 50 PERATUS DARI SIKAP DAN ETIKA BEKERJA SUDAH MENCUKUPI.

BAGAIMANAPUN PROSES PERUBAHAN SIKAP INI MEMAKAN MASA DAN KEJAYAAN HANYA AKAN DICAPAI DENGAN KESEDARAN TENTANG ETIKA BEKERJA TERSEBUT.--BERSAMBUNG 2113/HM

B658

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

MENURUT BELIAU LANGKAH KE HADAPAN UNTUK MENCAPAI ETIKA BEKERJA TERSEBUT TELAH PUN DIMULAKAN.

' 'SEDIKIT DEMI SEDIKIT KITA AKAN PUPUK NILAI-NILAI BARU INI DI KALANGAN PARA PEKERJA DAN ANAK-ANAK KITA. ' '

MENGENAI PEMBANGUNAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA INI TIDAK BERTENTANGAN DENGAN YANG DITUNTUT OLEH AGAMA.

DI ZAMAN SILAM, NEGARA -NEGARA ISLAM MEMBANGUN LEBIH MAJU DARI NEGARA-NEGARA LAIN. NEGARA-NEGARA ISLAM PERLU MAJU DAN MENYERAPKAN SEGALA BENTUK PENGETAHUAN UNTUK MEMPERTAHANKAN NEGARA DAN AGAMA DENGAN LEBIH BERKESAN.

DALAM MEMBANGUN NEGARA BERDASARKAN KEPADA NILAI-NILAI ISLAM, TENAGA WANITA DI NEGARA INI TETAP DIPERLUKAN TETAPI DALAM BIDANG-BIDANG YANG MEREKA BERKEBOLEHAN.

BAHKAN DALAM SEJARAH ISLAM, KAUM WANITA TELAH MENOLONG LELAKI DALAM PEPERANGAN, KATANYA. -- BERSAMBUNG 2110/MB

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

MENGENAI PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA DI MASA DEPAN, PERDANA MENTERI BERKATA TEMPO PEMBANGUNAN TETAP AKAN BERKEMBANG PESAT MESKIPUN SUBER MINYAK MUNGKIN AKAN HABIS MENJELANG 40 TAHUN LAGI.

INI ADALAH KERANA SEGALA PEROLEHAN DARI MINYAK DILABURKAN DALAM INDUSTRI-INDUSTRI LAIN TERMASUK INDUSTRI BERAT SERTA PERUSAHAAN BERASASKAN BAHAN MENTAH NEGARA.

JIKA KEUNTUNGAN DARI MINYAK DIGUNAKAN UNTUK MEMBANGUNKAN BANGUNAN-BANGUNAN YANG INDAH DAN HEBAT SAHAJA SEPERTI KOTA DAN TUGU DI MASA LALU IA MEMANGLAH TIDAK AKAN MEMBERI FAEDAH.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN SUDAH PUN MENGAMBIL LANGKAH MEMPELBAGAIKAN EKONOMI DAN BELIAU TIDAK KHUATIR BILA HASIL MINYAK KEHABISAN NANTI.

MENGENAI DASAR LUAR, PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA DASAR TERSEBUT HENDAKLAH DIRANGKA UNTUK KEPENTINGAN NEGARA INI DAN BUKAN UNTUK NEGARA LUAR. -- BERSAMBUNG 212D/MB

B660

MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENOLAK ANGGAPAN BAHAWA BELIAU LEBIH CENDERUNG KEPADA LANGKAH-LANGKAH KURANG POPULER YANG BOLEH MENJEJASKAN KEDUDUKANNYA SENDIRI.

MENURUTNYA BELIAU MEMBERI PERHATIAN BERAT KEPADA SOAL ITU KERANA SESUATU TINDAKAN ITU MUNGKIN TIDAK POPULER BAGI SATU KUMPULAN TETAPI POPULER KEPADA ORANG RAMAI.

SEBAGAI CONTOH IALAH MEWAJIBKAN PARA PEGAWAI KERAJAAN DATANG LEBIH AWAL DAN PULANG LEWAT, KATANYA.

KATANYA BELIAU TETAP SAMA SEPERTI PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA YANG LALU SEPERTI TUNKU ABDUL RAHMAN, ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK DAN TUN HUSSEIN ONN INGIN Mencari kepopuleran TETAPI MUNGKIN CARANYA BERBEDA.

PROGRAM ITU DIPENGERUSIKAN OLEH ENCİK JAAFAR KAMIN DARI RTM MANAKALA AHLI PANEL IALAH ENCİK KUAH GUAN OO DARI BERNAMA, ENCİK ADIBAH AMIN DARI KUMPULAN THE NEW STRAITS TIMES DAN ENCİK ZAINAL FAKIR DARI KUMPULAN UTUSAN MELAYU. -- BERNAMA 213D/MB